

TARIKH	25 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	3	RUANGAN	Dim Negeri

Syukur dengan keamanan - PM

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu umat Islam di negara ini sentiasa bersyukur dengan keamanan yang dikurniakan oleh Allah kerana dengan adanya nikmat itu mereka boleh melaksanakan ibadah termasuk berpuasa tanpa rasa takut.

Hakikatnya beliau berkata, keamanan merupakan sesuatu yang tidak ternilai, malah ia merupakan satu rahmat Allah yang wajib dipelihara.

Mengambil contoh apa yang berlaku di Syria beliau berkata, umat Islam di Malaysia wajar mengambil situasi di negara itu sebagai satu iktibar serta pengajaran ekan berlakunya pergolakan.

"Kita wajib berasa bersyukur bahawa dalam bulan yang penuh kemuliaan dan kerahmatan daripada Allah kita dapat menjalankan ibadah puasa dalam keadaan yang begitu selamat, tenang, tanpa rasa gentar dan takut.

"Sepaimana kita tahu juga satu demi satu negara Islam tidak melalui kenikmatan yang sama. Kita di sini anggap biasa dan kita juga tidak anggap ia sebagai rahmat yang disyukuri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Sempena Penyampaian Sumbangan Aidilfitri dan Pelajar Cemerlang Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Perkayatim) di Dewan Besar Tabung Haji di sini hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Yang Dipertua Perkayatim yang juga Pengerusi Tabung Haji,

Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, atas faktor keselamatan kerajaan telah

membuat keputusan untuk membawa balik rakyat Malaysia yang berada di Syria.

"Walau apa pun saya amat berharap kita semua sentiasa memanjatkan doa kepada Allah supaya keamanan yang kita dikecapi selama ini sentiasa berpanjangan," ujarnya.

Sementara itu, beliau meminta umat Islam di negara ini sentiasa membantu anak-anak yatim kerana mereka merupakan golongan yang mempunyai kedudukan

mulia di sisi Allah.

Beliau berkata, di dalam kitab suci al-Quran sendiri ada dinyatakan sebanyak 23 kali perihal anak yatim dan begitu juga dalam hadis-hadis Rasulullah SAW.

"Sekali gus ia memberitahu kita betapa mulianya kedudukan anak-anak yatim di sisi Allah, malah junjungan besar Rasulullah SAW juga merupakan seorang anak yatim piatu," katanya.

Najib di dalam ucapannya turut memetik sebuah hadis Rasulullah mengenai balasan mereka yang memelihara anak yatim dengan baik.

"Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh ibn. Abbas, Rasulullah telah bersabda; Orang yang memelihara anak yatim di kalangan umat Islam dengan memberi makan minum kepada mereka pasti Allah memasukkannya ke dalam syurga," kata Perdana Menteri lagi.

TARIKH	25 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	3	RUANGAN	Dlm Negeri



NAJIB Tun Razak dan isteri, Rosmah Mansor memberi kek kepada anak-anak yatim, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada Majlis Berbuka Puasa di Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAFIYANA SALIM